

'Kalau penyokong mahu, saya akan bertanding' -Tun M

PETALING JAYA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan tidak mahu bertanding dalam Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) namun tidak menolaknya jika dipaksa oleh para penyokong.

Kata Ahli Parlimen Langkawi itu, sekiranya beliau menetapkan pendirian bahawa tidak bertanding pilihan raya, sudah pasti para penyokong termasuk ahli Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang) tidak bersetuju dengan keputusannya.

"Saya tidak nak bertanding, tetapi orang saya ini susah. Kalau saya cakap tidak mahu bertanding nanti mereka marah.

"Jadi saya tidak tahu hendak buat apa, saya terpaksa ikut dengan orang sokong saya. Darpada dahulu pun saya bukan hendak bertanding tetapi mereka hendak saya bertanding," katanya dalam wawancara bersama *Dialektika TV* yang disiarkan melalui Facebook semalam.

Ketika ditanya sama ada potensi Pejuang dalam PRU-15, Dr. Mahathir selaku pengasas Pejuang berkata, meskipun ia parti kecil, tetapi mereka mempunyai matlamat besar iaitu menghapuskan rasuah seperti mana kehendak rakyat.

Katanya, rakyat Malaysia kini amat benci dengan amalan rasuah sehingga terdapat wakil rakyat mudah dibeli oleh pihak tertentu.

"Pejuang ini parti kecil tetapi perjuangan kita adalah rakyat iaitu menghapuskan rasuah. Oleh sebab itu rakyat tidak mahu sokong mana-mana parti sebab semua berjuang untuk diri sendiri.

"Pejuang berjuang untuk orang lain iaitu mendirikan kerajaan bagi menjalankan tugas dengan baik," katanya.